




SEORANG penduduk cuba mengelak banjir dengan menaiki sebuah jentolak bersama motosikalnya selepas fenomena air pasang besar melanda Kampung Batu 5, Jalan Kapar, Klang semalam.



SEORANG penduduk melihat ombak membadi benteng ekoran fenomena air pasang besar di Kampung Sungai Meriam, Kota Kuala Muda, Kedah semalam.



BEBERAPA anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia memantau paras air laut berikutan fenomena air pasang besar di pesisir pantai Kuala Perlis semalam.

Pihak berkuasa terus berjaga-jaga ekoran beberapa kawasan masih dinaiki air

Fenomena air pasang terkawal

KUALA LUMPUR — Fenomena air pasang besar di empat buah negeri hingga menyebabkan beberapa kawasan ditenggelami air dipercayai masih dalam keadaan terkawal setakat ini.

Di **Selangor**, lebih 30 buah rumah di Kampung Batu Lima, Kapar dekat sini dinaiki air setinggi 1.5 meter selepas kejadian air pasang besar berlaku kira-kira pukul 5.30 pagi semalam.

Lebih 100 penduduk kampung terpaksa berpindah ke pusat penempatan mangsa banjir di Dewan Datuk Ahmad Razali, Batu 4 dekat Klang selepas air pasang besar mencatatkan ketinggian 5.7 meter.

Seorang penduduk, Halim Bahar, 38, berkata, air mula naik selepas benteng Sungai Keramat pecah pada kira-kira pukul 3 pagi dan mula memasuki rumahnya pada pukul 5 pagi.

Difahamkan, Jabatan Pengairan dan Saliran telah meletakkan 4,000 beg pasir di kawasan benteng yang pecah seluas 40 meter itu bagi mengurangkan limpahan air ke kampung tersebut.

Sementara di **Perak** pula,



DUA penduduk bertungkus-lumus mengangkat sebuah motosikal ke tempat tinggi selepas rumah mereka dinaiki air akibat fenomena air pasang besar di Kampung Batu 5, Jalan Kapar, Klang semalam.

beberapa kawasan di lima buah daerah di negeri itu yang dinaiki air dilihat mulai surut bahkan beberapa kawasan lagi telah pulih sepenuhnya.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Perak, Mohd. Noor Hassan Ashari Sulaiman berkata, kawasan yang masih dinaiki air ialah Kampung Batu 7 1/2, Jalan Maharajalela, Teluk Intan melibatkan 10 buah rumah.

“Tumpuan kita adalah membaiki benteng guni pasir yang rosak di beberapa daerah. Anta-

ranya di Parit 25, Baruh, mukim Hutan Melintang di daerah Bagan Datoh.

“Bagi daerah Kerian, kerja pembaikan benteng beg pasir dilakukan di Kampung Nelayan, Kuala Kurau dan Kampung Bagan Panchor, Pengkalan Baru, Pantai Remis,” katanya.

Di **Kedah**, sebanyak 85 penduduk daripada 24 keluarga di daerah Kuala Muda dipindahkan ke empat pusat pemindahan semalam selepas enam kampung dilanda banjir kilat.

Kampung terjejas ialah Kam-

pung Masjid, Kampung Ujung Matang, Kampung Padang Salim, Kampung Paya, Kampung Sungai Yu dan Kampung Sungai Meriam.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Kuala Muda, Leftenan Muda Pertahanan Awam Azahar Ahmad berkata, sebanyak empat pusat pemindahan mangsa banjir dibuka sejak pukul 12 tengah malam kelmarin.

“Dua pusat pemindahan bagi mukim Kuala/Haji Kudong ialah di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Kuala dan Dewan Kampung Paya di Kota Kuala Muda.

“Bagi mukim Bukit Meriam pula, dua pusat pemindahan yang dibuka ialah di Dewan Masjid Haji Yusof di Bukit Kecil dan rumah Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Sungai Meriam,” katanya.

Di **Perlis**, fenomena air pasang besar masih terkawal selain paras air laut setakat petang semalam mencecah 3.2 meter.

Menurut Pengarah APM Perlis, Ishak Mohd. Razi, anggotanya sentiasa siap sedia 24 jam memantau air pasang besar dan kenaikan paras air laut terutama di Kuala Perlis di sini.

RINGKAS

Jambatan rosak akibat fenomena air pasang

KLANG — Lebih 500 penduduk di Kampung Batu Lima, Kapar dekat sini terjejas apabila jambatan yang menjadi laluan utama masuk ke kampung tersebut rosak teruk akibat fenomena air pasang besar semalam.

Jambatan kayu berusia lebih 10 tahun itu kini tidak lagi boleh digunakan kerana rosak akibat dipukul arus deras dan hanya menunggu masa dihanyutkan air.

Seorang penduduk, Halim Bahar, 38, memberitahu, pada mulanya jambatan itu hanya rosak sebelah, namun masih boleh dilalui oleh sebuah kenderaan pada satu-satu masa tetapi hari ini (semalam) ia langsung tidak boleh digunakan.

Rimas timbunan sampah hanyut

SABAK BERNAM — Fenomena air pasang besar kelmarin telah menyebabkan beberapa kawasan di Bagan Nakhoda Omar di sini ditimbuni sampah sarap.